

11 JAN 2000

Mahathir-Umno

DR MAHATHIR MINTA ANGGOTA UMNO KEMBALI KEPADA PERJUANGAN ASAS

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, semua pemimpin dan anggota Umno perlu kembali kepada perjuangan asal parti tanpa mementingkan diri dan mana-mana individu.

Beliau berkata, apa yang penting sekarang ialah memastikan parti terus bersatu.

"Saya beritahu mereka siapa yang menjadi pemimpin tidak penting tetapi yang pentingnya ialah Umno terus kekal, bersatu dan sedia menerima sesiapa sahaja yang dipilih sebagai pemimpin... Tiada kesetiaan kepada individu," katanya.

Ramai menyertai Umno setelah ia mencapai kejayaan memajukan negara.

"Mereka ini celik mata melihat negara yang sudah maju dan kedudukan orang Melayu yang sudah terjamin dan mereka percaya kedudukan orang Melayu akan kekal sebagai bangsa dominan di Malaysia selama-lamanya," katanya kepada pemberita selepas perjumpaan dan sesi kepimpinan bagi 100 pemimpin Umno dari seluruh negara.

Dr Mahathir berkata, dedikasi anggota Umno terhadap perjuangan parti untuk bangsa, agama dan tanah air kini menjadi "secondary" berbanding perjuangan untuk diri sendiri untuk mendapat tempat dan orang kesayangan mereka mendapat tempat.

"Jadi kesetiaan tidak lagi kepada parti sebaliknya kepada individu dan ini merosakkan parti dan kita perlu kembali kepada perjuangan asas Umno," katanya.

Dr Mahathir berkata dalam perjumpaan dan sesi kepimpinan itu, beliau memberikan penerangan tentang perjuangan asas Umno seperti yang termaktub dalam perlembagaan Umno iaitu untuk bangsa, agama dan tanah air.

Katanya, parti itu tidak berjuang untuk mana-mana individu termasuk dirinya sendiri.

"Saya hanya diberi kepercayaan untuk menjadi Presiden dan bukannya diri saya ini merupakan suatu yang penting yang memerlukan sokongan secara peribadi..." katanya.

Dr Mahathir berkata para pemimpin Umno harus melupakan tentang kedudukan mereka dalam parti sebaliknya mesti mengutamakan perjuangan parti untuk bangsa, agama dan tanah air.

"Kejayaan parti adalah lebih penting daripada kejayaan mana-mana individu," katanya.

Ditanya mengapa perjumpaan dan sesi kepimpinan sedemikian diadakan sekarang, Dr Mahathir berkata ramai anggota Umno kini tidak memahami perjuangan sebenar Umno kerana parti itu telah ditubuhkan 54 tahun lepas.

Katanya, sesi kepimpinan itu adalah yang pertama kali diadakan dan para peserta merupakan kumpulan pengendali latihan pertama yang akan menyampaikan latihan serupa kepada anggota parti yang lain.

Mengenai maklumbalas daripada para peserta itu, beliau berkata ia merupakan sesi yang baik kerana kebanyakan mereka adalah anggota generasi muda yang tidak mengetahui perjuangan sebenar Umno.

Dr Mahathir berkata perjumpaan dan sesi kepimpinan yang serupa akan diadakan dari semasa ke semasa.

Ditanya adakah jawatan presiden dan timbalan presiden yang dicadangkan tidak dipertandingkan dalam pemilihan parti itu Mei ini akan terus tidak akan dipertandingkan sampai bila-bila, Dr Mahathir berkata: "Kalau Umno buat keputusan tidak akan dipertandingkan, ia tidak akan dipertandingkan."

Terpulang kepada Umno".

Mengenai beberapa negeri yang telah mencapai kata sepakat supaya dua jawatan tertinggi parti itu tidak dipertandingkan, presiden Umno itu berkata: "Itu hak mereka untuk membuat keputusan".

-- BERNAMA

HS THG